

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 19 DISEMBER 2005, PUKUL 10.00 PAGI

**Bil. 25**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. 19-100027  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan hanya 5 peratus saham akan diagihkan kepada awam berikutan penyenaiaan TH Plantation di Bursa Malaysia, bagaimanakah penyenaiaan tersebut membantu menambah kecairan (liquidity) dalam pasaran modal sebagai pra syarat mewujudkan pasaran modal Malaysia yang kompetitif.
2. 56-100099  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengeratkan silaturahim kejiranan untuk membantu keamanan di Selatan Thailand dan apakah jenis bantuan yang sepatutnya diberikan.
3. 68-100318  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan alat-alat yang canggih dan mahal ada terdapat di hospital-hospital besar termasuk Hospital Kuala Terengganu, tetapi sering juga mengalami kerosakan hingga tidak dapat digunakan. Akibatnya kes-kes perlu dihantar ke Hospital Kota Bharu atau Kuantan. Mengapakah masalah ini berlaku dan apakah tindakan untuk mengatasinya.

4. 37-100007  
**Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
  - (a) statistik pemegang kad kredit mengikut kelompok usia sehingga 31/10/2005 dan jumlah hutang yang ditanggung oleh mereka; dan
  - (b) apakah statistik ini menunjukkan tabiat berbelanja secara boros di kalangan generasi muda dan setakat mana langkah-langkah yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kementerian untuk mengawal perbuatan bank-bank perdagangan yang mempromosikan perniagaan kad kredit sewenang-wenangnya sehingga mengakibatkan ramai pemegang kad kredit khususnya golongan muda, diisytiharkan muflis.
5. 33-100052  
**Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah perkara-perkara spesifik yang diharapkan daripada Mesyuarat ASEAN Kesebelas khususnya dengan keadaan pembangunan yang agak lembap dan ketidakseimbangan dalam ASEAN.
6. 73-100186  
**Dr. Raja Ram a/l Nadayson** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi membanteras kegiatan-kegiatan 'Along' yang sangat berleluasa pada masa kini sehingga mereka begitu berani menampilkan poster-poster di merata tempat serta mengedarkan 'visiting card' mereka di kebanyakan kawasan penubuhan dan pusat-pusat perniagaan.
7. 60-100452  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membina Lebuhraya Utara Selatan kedua memandangkan lebuhraya yang sedia ada semakin sesak khususnya menjelang musim perayaan dan cuti umum. Kenapakah Kerajaan tidak menambah jumlah lorong jalan raya sekurang-kurangnya 3 km sebelum tiba ke plaza tol terutamanya di Plaza Tol Sg. Besi, Skudai dan Jelapang untuk mengatasi kesesakan.
8. 78-100600  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian atau Bank Negara Malaysia terhadap perkembangan dan amalan yang kurang sihat di dalam Institusi Kewangan Islam yang menyimpang dengan amalan-amalan Islam Hadhari yang menyebabkan kerugian kepada Tabung Haji dan juga Bank Islam. Justeru itu apakah mekanisme atau pemantauan yang dilakukan sebelum keadaan menjadi lebih parah.

9. 29-100248  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah Kementerian sedar walaupun hampir setiap tahun FELCRA memberikan ganjaran kepada pemilik tanah FELCRA tetapi ternyata bahawa jumlah itu amat mengecewakan kerana jika pemilik usahakan sendiri mereka akan perolehi pendapatan yang berkali ganda. Purata berapakah sepatutnya pendapatan bulanan yang akan diperolehi oleh pekebun sawit yang mempunyai tanah 3 ekar. Sudahkah Kementerian membuat kajian terperinci berhubung dengan pembahagian/ pengagihan pendapatan.
10. 43-100294  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan bilakah pelaksanaan mewajibkan semua pelanggan, pengguna dan pemilih kad "sim" prabayar telefon didaftarkan butiran peribadi mereka dan apakah punca perkara ini tidak dapat disegerakan.
11. 18-100256  
**Tuan Ismail bin Kasim** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan garis panduan atau langkah-langkah pencegahan yang dapat dilakukan dalam mengurangkan jumlah kakitangan awam yang membuat pinjaman daripada syarikat swasta atau "Along" kerana kebanyakan kakitangan awam "terjerat" dengan kadar faedah yang tinggi dan ini menjejaskan mutu perkhidmatan mereka.
12. 67-100300  
**Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk menukar teras pembangunan kawasan luar bandar bagi melibatkan penguasaan teknologi tinggi dan pembangunan pesat memandangkan pembangunan yang masih dilihat lesu di luar bandar berbanding bandar kerana pergantungan berterusan terhadap industri kampung berasaskan pertanian.
13. 49-100539  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah rakyat Malaysia yang telah membuat pertukaran jantung; dan
  - (b) daripada jumlah tersebut, berapa peratuskah orang Melayu.
14. 77-100494  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengenai cadangan Kerajaan untuk melanjutkan umur persaraan kakitangan perkhidmatan awam ke 58 tahun. Bila ianya akan dilaksanakan.

15. 68-100332  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kita sering mendengar bahawa pihak Kementerian masih belum membuat bayaran terakhir kepada kontraktor-kontraktor yang membina sekolah-sekolah. Berapakah jumlah kontrak yang masih belum selesai dan jumlah kewangannya.
16. 39-100220  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan tentang jualan kereta nasional yang tidak memuaskan berbanding dengan kereta import di negara kita. Apakah usaha yang dilakukan bagi meningkatkan kembali jualan kereta nasional kita.
17. 48-100039  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan terkini di Malaysia mengenai usaha Kerajaan dan juga sektor awam dalam penghasilan "biofuel" Malaysia.
18. 46-100224  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bilangan pengemis yang dikenal pasti sejak tahun 2003 mengikut pecahan negeri. Bagaimana Kerajaan membezakan pengemis profesional dari pengemis yang benar-benar terdesak. Apakah bentuk program yang diadakan untuk mereka setelah mereka ditangkap mengemis.
19. 45-100477  
**Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk memberi insentif kepada atlit-atlit yang mencatat kejayaan di peringkat antarabangsa mengikut tahun semenjak 2000.
20. 75-100593  
**Datuk Yaakob Bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan anggaran jumlah perbelanjaan yang telah ditanggung oleh syarikat-syarikat perniagaan yang terpaksa menggunakan khidmat setiausaha syarikat selaras dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada antara tahun 1999 - Jun, 2005 dan nyatakan jumlah setiausaha syarikat bertaraf bumiputera dan bukan bumiputera yang sedang beroperasi serta apakah strategi Kerajaan bagi mengelakkan daripada setiausaha syarikat memanipulasikan segala bentuk maklumat syarikat dengan tujuan yang negatif.
21. 65-100156  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha-usaha yang sedang dibuat untuk mengawal dan menambah sumber ikan negara.

22. 7-100201  
**Dato' Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan ataupun rancangan Kerajaan untuk mengurangkan ataupun menghapuskan aktiviti jenayah gangsterisme, dadah dan gejala sosial yang meningkat tiap-tiap tahun di kalangan pelajar-pelajar di banyak sekolah menengah.
23. 70-100059  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah penurunan kedudukan Universiti Malaya daripada tangga 89 ke 169 dalam senarai 200 universiti terbaik dunia disebabkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti yang mengongkong pelajar sehingga menyebabkan penurunan ini.
24. 47-100358  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan terbengkalai sejak tahun 2003 mengikut pecahan negeri.
25. 9-100414  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan keberkesanan penubuhan Suruhanjaya Polis dalam mengatasi peningkatan penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis.
26. 51-100142  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah rancangan yang sedang dan akan digubal untuk menaikkan semula prestasi IPTA terutama sekali Universiti Malaya dan Universiti Sains Malaysia di arena kedudukan akademik antarabangsa.
27. 72-100613  
**Dato' Kamarudin bin Ambok** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pelajar yang boleh ditempatkan di dalam IPTA dan IPTS di negara ini dan berapakah jumlah IPTS yang telah diluluskan penubuhannya.
28. 65-100159  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perhubungan Malaysia dengan negara Thailand yang akhir-akhir ini tegang disebabkan pergolakan yang berlaku di Selatan Thailand.
29. 21-100106  
**Datin Naomi Chong Set Mui** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian sedar mengenai masalah bekalan elektrik yang sering terputus di mana penambahan stesen jana kuasa elektrik sahaja tanpa menaik taraf sistem pengagihan akan menyebabkan bekalan terputus dan apakah tindakan segera yang akan diambil untuk menaik taraf sistem pengagihan untuk mengelak berlakunya gangguan bekalan elektrik.

30. 38-100372  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan rasional mewujudkan semula kempen Buku Hijau sedangkan sebelum ini kempen seumpamanya pernah diwujudkan semasa krisis ekonomi 1977.
31. 52-100557  
**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan di dalam menggalakkan tabiat menyimpan serta menabung di kalangan anak-anak di negara kita daripada peringkat rendah lagi. Apakah Kerajaan berhasrat memperkenalkan skim-skim ataupun insentif-insentif bagi menarik minat mereka seperti mana yang dilakukan oleh Bank Simpanan Nasional (BSN) sebagai contoh.
32. 20-100390  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan mekanisme untuk menerima dan menempatkan pelajar daripada kawasan luar bandar yang kurang cemerlang ke IPTA khususnya pelajar-pelajar Orang Asli.
33. 76-100519  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tahap komitmen Kerajaan dalam menjayakan agenda Melayu yang merupakan satu pelan tindakan untuk mendekati jurang perbezaan yang semakin melebar dalam pendapatan, pekerjaan dan pembentukan kekayaan di kalangan rakyat Malaysia.
34. 30-100572  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi masalah kecederaan yang sering kali berlaku di kalangan kanak-kanak di musim-musim perayaan akibat daripada bermain mercun.
35. 70-100055  
**Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menghentikan kutipan cukai atau Govt Tax sebanyak 5% ke atas pengguna yang makan di gerai-gerai tepi jalan lebuh raya kerana kebanyakan yang singgah makan di gerai tersebut terdiri daripada golongan rakyat bawahan.
36. 76-100529  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan usaha Kementerian untuk membantu Kerajaan menyediakan berbagai dana dan tabung (72, lebih kurang RM10 bilion) untuk membantu usahawan-usahawan membiayai inisiatif dan projek perniagaan dan perdagangan. Namun, akses ke sumber-sumber pembiayaan ini sukar diperolehi. "Red-tape" yang dikenakan dan kelembapan memproses permohonan menunjukkan kurangnya komitmen untuk membantu.

37. 77-100504  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan syarikat bumiputera dalam konsolidasi sektor kewangan dan 'capital market'. Apakah impak ke atas syarikat ini memandangkan yang muncul adalah syarikat bukan bumiputera dan syarikat asing mengakibatkan syarikat bumiputera terus tenggelam. Apakah tindakan Kerajaan untuk menjamin pemilikan 30% ekuiti syarikat bumiputera.
38. 9-100415  
**Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapakah peratus pertambahan dalam sektor pelancongan setelah Kerajaan meluluskan cuti setiap hari Sabtu dan sumbangannya kepada ekonomi negara.
39. 38-100347  
**Puan Mariah binti Haji Abdullah** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan langkah yang diambil bagi mengatasi masalah kegagalan ribuan pelajar Melayu yang pintar ke pusat-pusat pengajian tinggi yang berpunca daripada masalah pinjaman pelajaran.
40. 57-100367  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan berapakah jumlah pengeluaran makanan negara (termasuk beras, sayur-sayuran, buah-buahan dan daging) setiap tahun sejak tahun 2000. Adakah jumlah pengeluaran makanan ini cukup untuk menampung keperluan negara.
41. 39-100218  
**Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah tindakan diambil bagi kenderaan dari luar seperti dari Singapura dan Thailand yang memasuki Malaysia yang melanggar undang-undang jalan raya di negara ini seperti disaman secara serta-merta untuk memastikan undang-undang negara dihormati dan masalah saman tertunggak dapat diatasi.
42. 20-100411  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan:-
- (a) bilangan penduduk Orang Asli mengikut negeri-negeri berdasarkan bilangan keluarga, bilangan ibu tunggal, anak-anak yatim piatu, warga emas, orang kurang upaya dan kemiskinan tegar; dan
  - (b) apakah jenis bantuan yang telah disalurkan bagi meningkatkan tahap kehidupan mereka.

43. 33-100049  
**Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah syarikat perladangan milik orang Malaysia yang berjaya membuka ladang kelapa sawit di luar negara pada masa kini dan di negara manakah mereka berjaya membuka ladang tersebut.
44. 58-100468  
**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah mungkin peningkatan jumlah graduan menganggur di negara kita antara lain disebabkan oleh penempatan kemasukan di universiti yang tidak memberikan keutamaan permohonan dan tidak menjurus kepada kehendak pasaran. Kokurikulum lebih tertumpu kepada teori dan kurang penekanan kepada aspek praktikal untuk meningkatkan pengalaman bekerja. Apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
45. 47-100329  
**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bagaimanakah sambutan majikan setakat ini terhadap pekerja asing dari Pakistan, India dan Bangladesh dan lain-lain selain dari Indonesia. Berapakah bilangan mereka setakat ini.
46. 30-100565  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil Kementerian bagi mengurangkan kes-kes kemalangan jalan raya di negara ini pada musim perayaan dan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memperketat latihan dan ujian sebelum membolehkan seseorang itu memperolehi lesen memandu.
47. 74-100120  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah kereta Proton yang dieksport ke luar negeri dan ke negara manakah kereta-kereta ini dieksport sejak tahun 2001.
48. 60-100436  
**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan:-
- (a) benarkah tuduhan Singapura bahawa pencemaran air Selat Tebrau dan Pantai Lido berpunca daripada pencemaran air Sungai Segget dan Sungai Sekudai; dan
  - (b) apakah air Selat Tebrau akan menjadi bersih jika Tambak Johor dirobohkan untuk digantikan dengan sebuah jambatan baru.

49. 37-100026  
**Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang melaksanakan konsep perkongsian bijak di antara syarikat penerbangan Air Asia dan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) untuk membolehkan Air Asia mengambil alih keseluruhan laluan penerbangan domestik sementara MAS menumpukan perhatian kepada laluan penerbangan antarabangsa.
50. 29-100217  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berikutan penggunaan peralatan LCD dan Note Book di setiap sekolah untuk kegunaan mata pelajaran Sains dan Matematik yang rosak dan tidak dapat diperbaiki apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
51. 56-100088  
**Dato' Rhina Bhar** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil di atas kursus-kursus yang tidak dirancang dan tidak dikendalikan dengan baik dan ini mengakibatkan pengeluaran ataupun penghasilan siswazah yang tidak mempunyai prestasi atau pun kelulusan yang baik.
52. 81-100638  
**Datin Paduka Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **KEMENTERIAN KESIHATAN** menyatakan apakah kemajuan terhadap Skim Insurans Pembiayaan Kesihatan yang telah lama diwarwarkan. Adakah Kerajaan akan terus memberikan rawatan percuma kepada rakyat yang tidak mampu seperti yang dinikmati di bawah sistem sekarang.
53. 53-100644  
**Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam** minta **KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah yang dikutip balik dari peminjam PTPTN setelah beberapa tindakan dan alternatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan baru-baru ini dan adakah jumlah ini setanding dengan yang dijangkakan. Jika tidak apakah tindakan Kerajaan selepas ini.
54. 43-100283  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan setakat manakah perkembangan tentang penubuhan "Mahkamah Keluarga".
55. 62-100618  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan memberi maklumat terkini tentang sistem pintas dan bagaimana sistem ini beroperasi bagi menentukan masalah-masalah masyarakat dapat ditangani dengan baik.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. (D.R. 23/2005) Rang Undang-undang Perbekalan 2006 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”. [ 15 Disember 2005 ]**
  
2. (D.R. 24/2005) Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 **Bacaan Kali Yang Kedua**
  
3. (D.R. 29/2005) Rang Undang-undang Warisan Kebangsaan 2005 “
  
4. (D.R.30/2005) Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 “
  
5. (D.R.27/2005) Rang Undang-undang Kewangan 2005 “
  
6. (D.R.31/2005) Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2005 “
  
7. (D.R. 22/2005) Rang Undang-undang, Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 “

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.21A	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Johor Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 22A	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Kedah Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 23A	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 24	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Melaka Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 25	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Negeri Sembilan Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 26	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD. 27	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Perak Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD.28	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Perlis Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD.29	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD.30	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Sabah Tahun 2004.	19 Disember 2005

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2005</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.31	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Sarawak Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD.32	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2004.	19 Disember 2005
CMD.33	Laporan Ketua Audit Negara Akaun Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2004.	19 Disember 2005
ST.126	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	19 Disember 2005
ST.127	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	19 Disember 2005
ST.128	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	19 Disember 2005
ST.129	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit).	19 Disember 2005